



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

APLIKASI ELEMEN *MAQASID SHARIAH* DALAM KAUNSELING KELUARGA DAN PERKAHWINAN DI AGENSI AGAMA NEGERI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MOHD SUHADI BIN MOHAMED SIDIK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk meneliti aspek kefahaman pengamal di agensi agama negeri tentang elemen yang terdapat dalam *Maqasid Shariah* dan pengaplikasiannya terutamanya ketika sesi kaunseling. Kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti maklum balas dan halangan yang terdapat dalam proses perlaksanaan aplikasi tersebut. Kajian ini berbentuk pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kaedah pengumpulan data kajian menggunakan protokol temu bual separa struktur dan pemerhatian. Seramai 13 peserta terdiri daripada pengamal di agensi jabatan agama negeri dan klien yang terlibat dalam sesi kaunseling. Data kajian dipungut daripada tiga pemerhatian sesi kaunseling. Data dianalisis menggunakan Model 3C Lichman yang melibatkan proses pengekodan, pengkategorian dan pembentukan konsep. Analisis data menjelaskan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* yang terdiri daripada *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* adalah merupakan kaedah yang menentukan tahap-tahap keperluan supaya keputusan yang dibuat adalah memelihara aspek utama kehidupan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta untuk menghasilkan kesejahteraan hidup secara holistik. Kajian juga mendapati perlaksanaan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* ini dilakukan mengikut gaya modaliti kaunseling individu dan kaunseling keluarga yang melibatkan aktiviti menilai sesuatu keputusan berdasarkan pemeliharaan aspek utama kehidupan klien. Namun, antara penghalang keberkesanan pendekatan ini adalah aspek kompetensi pengamal, faktor penghayatan agama serta latar belakang silang budaya pengamal dan klien. Kajian ini memberikan implikasi dalam aspek perlaksanaan dan amalan proses membuat keputusan dalam menyelesaikan sesuatu isu bagi kaunseling keluarga dan perkahwinan Islam.





THE APPLICATION OF *MAQASID SHARIAH* ELEMENTS IN FAMILY AND MARRIAGE COUNSELLING AT STATE ISLAMIC RELIGIOUS AGENCIES

ABSTRACT

This study was conducted to explore aspects of the practitioners' understanding of the elements found in *Maqasid Shariah* and its application especially during the counselling session. This study also aimed to identify the feedback and obstacles found in the application process. The qualitative method was employed using the case study approach. The data was collected based on semi-structured interviews and observation. A total of 13 participants consisting of practitioners in state religious agencies and their clients were involved in counselling session. In addition, three observations of counselling sessions were involved in the data collection process. The data was analysed using Model 3C Lichman that involved coding, categorisation and concept. The data analysis showed that the concept of *maqasid shariah* elements such as *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* and its preservation of five essential elements such as religion, life, intellect, family institution and wealth were understood by the participants involved. The analysis of the data also showed that the application of *Maqasid Shariah* elements was significant in determining the wellness and quality of life of the clients holistically so that any decision made will be in the interest of the clients. The study also found that the implementation of the *maqasid shariah* was based on individual counselling and family counselling modalities, which focused on the essential aspects of the clients' lives. However, the study also indicated that the barrier in *Maqasid Shariah's* implementation process involved the issues of the practitioners' competency, the clients' religious aspects and the cross-cultural background of the practitioners and clients. The study provided implications in terms of the implementation and practice of *Maqasid Shariah* in the decision making process in family and marriage counselling.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
SENARAI SINGKATAN	xxi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	22
1.4	Tujuan Kajian	28
1.4.1	Objektif Kajian	28
1.4.2	Soalan Kajian	29

1.5	Kerangka Teoretikal	29
1.5.1	Tahap Kaunseling	29
1.5.2	<i>Maqasid Shariah</i>	33
1.5.3	Piramid <i>Maslahah</i>	34
1.6	Kepentingan Kajian	36
1.7	Definisi Konsep Dan Operasional	39
1.7.1.	Aplikasi	40
1.7.2	Membuat Keputusan Dalam Penyelesaian Masalah	41
1.7.3	Kaunseling	41
1.8	Batasan Kajian	45
1.9	Rumusan	46

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	47
2.2	Penyelesaian Masalah Berdasarkan Model Kaunseling Keluarga	48
2.2.1	Teori Sistem Keluarga	48
2.2.2	Terapi Sistem Keluarga Bowen	50
2.2.3	Model Terapi Keluarga Struktur	56
2.2.4	Model Terapi Keluarga Strategik	60
2.2.5	Terapi Ringkas Penyelesaian Masalah Berfokus	65
2.3	Kaunseling Agama Dan Spiritual	68

2.3.1	Genogram Spiritual Dalam Terapi Keluarga	73
2.4	Kaunseling Dan Psikoterapi Spiritual Dalam Islam	79
2.5	<i>Maqasid Shariah</i> Dan Prinsip-Prinsip <i>Fiqh</i>	90
2.5.1	Pengertian <i>Maqasid Shariah</i>	90
2.5.2	Kategori Keperluan	93
2.5.2.1	<i>Dharuriyyat</i>	96
2.5.2.2	<i>Hajiyyat</i>	97
2.5.2.3	<i>Tahsiniyyat</i>	99
2.5.3	Tujuan <i>Maqasid Shariah</i>	102
2.5.3.1	Pemeliharaan Agama(<i>Hifz Ad-din</i>)	102
2.5.3.2	Pemeliharaan nyawa (<i>hifz an-nafs</i>)	104
2.5.3.3	Pemeliharaan akal (<i>hifz al-`aql</i>)	106
2.5.3.4	Pemeliharaan keturunan (<i>hifz al- nasl</i>)	108
2.5.3.5	Pemeliharaan harta (<i>hifz al-mal</i>).	109
2.6	Prinsip-Prinsip <i>Fiqh</i>	112
2.6.1	<i>Maslahah</i> Dan <i>Mafsadah</i>	113
2.6.2	Kaedah Keutamaan	117
2.7	Kajian-kajian Lepas	122
2.7.1	Da‘Wah Al-Irsyad Al-Nafsiyy menurut Al-Ghazali Dan Aplikasinya Dalam Kaunseling	122
2.7.2	Pendekatan Kognitif Psiko-Spiritual Islam	124
2.7.3	Kajian Keberkesanan Kaunseling Islam Dalam Meningkatkan Tahap Penyesuaian Perkahwinan	131

Pasangan Yang Tidak Serasi

2.7.4	Potensi kalbu Dalam Membuat Keputusan	132
2.7.5	Model Maqasid Syariah Based (MSB)	135
2.7.6	Piramid <i>Maslahah</i>	140
2.8	Pendekatan Integrasi	144
2.8.1	Model Transteoretikal	151
2.8.2	Terapi Multiteoretikal	152
2.9	Isu-Isu Dalam Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan	156
2.9.1	Etika Profesional Dalam Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan	156
2.9.2	Etika Amalan Klinikal	157
2.9.3	Delima Pengamal Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan	159
2.9.4	Etika Membuat Keputusan	160
2.9.4.1	Model Justifikasi Etika Kitchener	163
2.9.4.2	Model Etika Membuat Keputusan	168
	Forester-Miller dan Davis	
2.9.4.3	Ethical <i>Decision-Making</i> Model (EDM)	171
2.9.5	Modaliti Kaunseling	176
2.9.6	Isu akauntabiliti Berdasarkan Bukti Dalam Terapi Keluarga	178
2.9.7	Kecenderungan dan Kemahiran kaunselor.	180
2.9.8	Perdebatan Mengenai Fokus Dalam Intervensi	182

Kaunseling Keluarga

2.9.9	Keterbukaan Klien	183
2.9.10	Penghayatan Agama dan Spiritual	184
2.9.11	Pendidikan dan Perkembangan anak-anak	186
2.10	Rumusan	188

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	189
3.2	Reka Bentuk Kajian	189
3.3	Paradigma Kajian	193
3.4	Kajian Kes	197
3.5	Pensampelan dan Teknik Pensampelan	197
3.6	Peserta Kajian	199
3.7	Kaedah Pengumpulan Data	204
3.7.1	Temu Bual	205
3.7.2	Pemerhatian	207
3.8	Persediaan Sebelum Temu Bual	211
3.9	Perkara-perkara yang perlu dilakukan semasa temu bual	213
3.10	Tindakan Selepas Sesi Temu Bual	215
3.11	Isu Etika Dalam Sesi Temu Bual Yang Mendalam Dan Pemerhatian	217
3.12	Kajian Rintis	220

3.13	Penganalisan Data	221
3.14	Ketepatan Data	243
3.15	Kebolehpercayaan Data	243
3.16	Kesahan dan Keutuhan Data	244
3.17	Kesimpulan	248

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	249
4.2	Peserta Kajian	250
4.2.1	Profil Peserta Kajian Temu Bual	250
4.2.2	Profil Sesi Pemerhatian Sesi kaunseling	255
4.3	Konsep Elemen <i>Maqasid Shariah</i> dalam kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan	257
4.3.1	Aspek Pemahaman Konsep utama <i>Maqasid Shariah</i>	257
4.3.1.1	Maksud Elemen-Elemen Utama <i>Maqasid Shariah</i>	257
4.3.1.2	Pembahagian Kategori Tahap Keperluan	265
4.3.1.3	<i>Maqasid Shariah</i> sebagai Mekanisme Mengukur sesuatu Keperluan	271
4.3.2	Pemakaian elemen <i>Maqasid Shariah</i> dalam kaunseling	272
4.3.3	Tujuan Elemen <i>Maqasid Shariah</i> .	288
4.3.4	Rumusan	309

4.4	Pelaksanaan Elemen <i>Maqasid Shariah</i> Semasa Proses Membuat Keputusan Dalam Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan	310
4.4.1.	Modailiti Kategori Kaunseling	311
4.4.2	Penerapan Prinsip-prinsip <i>Maqasid Shariah</i> dalam kaunseling	334
4.4.3	Aktiviti Melibatkan Elemen <i>Maqasid Shariah</i>	337
4.4.4	Rumusan	409
4.5	Maklum Balas Penggunaan Elemen <i>Maqasid Shariah</i> Semasa Proses Membuat Keputusan Dalam Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan	412
4.5.1	Pendekatan Kaunseling Yang Komprehensif	412
4.5.2	Keberkesanan Aplikasi <i>Maqasid Shariah</i> kepada Klien	430
4.5.3	Saranan Terhadap Aplikasi <i>Maqasid Shariah</i>	438
4.5.4	Rumusan	446
4.6	Halangan Dalam Penggunaan Kaedah DHT Semasa Proses Membuat Keputusan Dalam Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan	448
4.6.1	Aspek Kompetensi Pengamal	448
4.6.2	Aspek Latar Belakang Dan Sikap Klien	455
4.6.3	Aspek Panduan Aplikasi Elemen <i>Maqasid Shariah</i>	467
4.6.4	Rumusan	468

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	469
5.2	Kefahaman Tentang Elemen-Elemen Dalam <i>Maqasid Shariah</i>	470
5.2.1	Kategori DHT Pada Perbuatan Atau Tindakan.	474
5.2.2	Kategori DHT Pada Penyediaan Sesuatu. Keperluan	475
5.3	Perlaksanaan Elemen <i>Maqasid Shariah</i>	487
5.3.1	Strategi Kaunseling Yang Diaplikasikan	487
5.3.2	Modaliti Pengendalian sesi	502
5.3.3	Aktiviti Membuat Keputusan Dalam Kaunseling	509
5.3.4	Model Proses Membuat Keputusan Berdasarkan DHT	525
5.4	Maklum Balas penggunaan Aplikasi <i>Maqasid Shariah</i>	535
5.4.1	Pendekatan yang Komprehensif	536
5.4.2	Keberkesanan	544
5.4.3	Saranan	547
5.5	Halangan Pelaksanaan Aplikasi <i>Maqasid Shariah</i> Semasa Proses Membuat Keputusan Dalam Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan	552
5.5.1	Kompetensi Pengamal	549
5.5.2	Faktor Sikap Klien	561



5.5.3	Latar Belakang Pengetahuan Klien	562
5.5.4	Panduan Aplikasi DHT	564
5.5.5	Rumusan	565
5.6	Implikasi Dan Sumbangan Kajian	566
5.7	Cadangan Kajian Pada Masa Hadapan	574
5.8	Kesimpulan	578
RUJUKAN		580
LAMPIRAN		



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Kecenderungan Manusia Dan Kebolehan 88
2.2	Contoh Klasifikasi Keperluan –Keperluan Mengikut Kategori <i>Dharuriyyat, Hajiyyat Dan Tahsiniyyat .</i> 111
2.3	Agregat Kewajaran Untuk Sektor Pertanian A1 136
2.4	Agregat Kewajaran Untuk Sektor Pendidikan A2 136
2.5	Agregat Kewajaran Untuk Sektor Kesihatan A3 137
3.1	Peserta Kumpulan Kaunselor Berdaftar 201
3.2	Kumpulan Pegawai Perunding Cara Di Pejabat Agama Daerah 202
3.3	Peserta Kajian Kumpulan Klien 203
3.4	Butiran Sesi Pemerhatian 210
3.5	Bahagian Soalan Temu Bual Separa Struktur Kategori Kaunselor Atau Pegawai Runding Cara 212
3.6	Soalan Temu Bual Separa Struktur Kepada Kategori Klien 212
3.7	Senarai Semak Sebelum Sesi Temu Bual 213
3.8	Senarai Semak Semasa Sesi Temu Bual 214
3.9	Ringkasan Aktiviti Selepas Sesi Temu Bual Dengan Peserta 216
3.10	Tarikh Pelaksanaan Temu Bual Dengan Peserta 219
3.11	Senarai Peserta Kajian Rintis 221
3.12	Contoh Proses Pengekoden 225

3.13	Contoh Proses Pengkategorian	231
3.14	Contoh Proses Pembentukan Konsep	237
3.15	Hubungan Antara Objektif Kajian, Soalan Kajian Dan Kaedah Analisis	246
4.1	Rumusan Dapatan Soalan Pertama	309
4.2	Rumusan Dapatan Soalan Kajian Ke-Dua (a)	410
4.3	Rumusan Dapatan Soalan Kajian Ke-Dua (b)	411
4.4	Rumusan Dapatan Soalan Kajian Ke-Tiga	447
4.5	Rumusan Dapatan Soalan Kajian Ke-Empat	468
5.1	Tahap Keutamaan Berdasarkan <i>Dharuriyyat</i> , <i>Hajiyyat</i> Dan <i>Tahsiniyyat</i> Berdasarkan Kepada Sesi Pemerhatian	481
5.2	Modaliti Atau Gaya Pengendalian Sesi Kaunseling Keluarga Dan Perkahwinan	507
5.3	Aktiviti Membuat Keputusan Berdasarkan Tahap-Tahap Kaunseling Individu	532
5.4	Aktiviti Membuat Keputusan Berdasarkan Tahap-Tahap Kaunseling Keluarga	534

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Tahap Kaunseling oleh Ivey dan Ivey	30
1.2 Kerangka Teoretikal Kajian	35
2.1 Ilustrasi gambaran interaksi tiga struktur Qalbu yang menghasilkan tingkah laku serta pengaruh Dhamir (suara hati)	134
2.2 Membuat keputusan dalam model MSB	139
2.3 Piramid <i>Maslahah</i>	141
2.4 Model Justifikasi Etika Kitchener	164
2.5 Pola modaliti pengendalian sesi secara individu dan keluarga	178
3.1 Reka Bentuk Kajian	196
3.2 Perakam suara Sony Digital Recorder ICD BX140	217
3.3 Prosedur dan Tatacara Pengumpulan Data Kualitatif	247
5.1 Hierarki Keperluan Isteri dan Anak	484
5.2 Tahap keperluan DHT dan penanda aras dalam kaunseling keluarga Dan perkahwinan	486
5.3 Integrasi kaunseling dalam aplikasi Elemen <i>Maqasid Shariah</i>	497
5.4 Strategi Perlaksanaan aplikasi elemen Maqasid Shariah dalam Kaunseling	501
5.5 Aktiviti yang dilakukan berdasarkan tertib langkah-langkah dalam proses membuat keputusan berdasarkan aplikasi DHT	511
5.6 Model Aplikasi Elemen <i>Maqasid Shariah</i> Dalam Kaunseling Keluarga dan Perkahwinan.	526
5.7 Kitaran tahap keperluan DHT dalam proses membuat berdasarkan aplikasi elemen <i>Maqasid Shariah</i>	531



SENARAI LAMPIRAN

- A1 Contoh Persetujuan Menjadi Peserta Kajian
- A2 Contoh Borang Maklumat Peserta Kajian
- A3 Contoh Soalan Temu Bual Pengamal
- A4 Contoh Soalan Temu Bual Klien
- A5 Borang Pemerhatian
- A6 Contoh Borang Penerimaan Teks Temu Bual Yang Telah Disemak
Dan Ditandatangani Oleh Peserta Kajian.



SENARAI SINGKATAN

AAMC	<i>American Association Of Marriage And Family Counselor</i> (Persatuan Kaunselor Perkahwinan Dan Keluarga Amerika).
DHT	<i>Dharuriyyat, Hajiyyat, Tahsiniyyat</i>
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
MAINS	Majlis Agama Islam Negeri Islam
JHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah
KPKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LPPKN	Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara
APA	Persatuan Psikologi Amerika
IPT	Institut Pengajian Tinggi
PEKAMA	Persatuan Kaunseling Malaysia
PAKSI	Persatuan Kaunseling Syarie
PK	Pusat Kaunseling
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan secara sepintas lalu senario permasalahan rumah tangga dan latar belakang kemunculan pendekatan dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan. Bab ini juga akan memaparkan isu, permasalahan kajian dan keperluan untuk melakukan kajian ke atas aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan. Selain itu, bab ini akan menjelaskan asas-asas serta elemen-elemen yang berkait rapat dengan teori yang mendasari kajian ini. Pada akhir bab, pengkaji akan menjelaskan beberapa definisi operasional kajian dan batasan-batasan yang berkaitan dalam kajian ini.





1.2 Latar Belakang

Bilangan pasangan Islam yang bercerai semakin meningkat dari semasa ke semasa. Umumnya, peningkatan kadar penceraian ini selari dengan kadar peningkatan dalam perkahwinan manakala peningkatan kadar perkahwinan pula sering dikaitkan dengan peningkatan jumlah penduduk di sesebuah negeri (Roslelawati Abdullah & Nordin Husin, 2014). Menurut ajaran Islam, tujuan sesebuah perkahwinan adalah untuk memenuhi perintah supaya lelaki dan wanita berkasih sayang serta berbelas ihsan sesama pasangan dalam sebuah ikatan yang sah. Hal ini adalah selaras dengan firman Allah S.W.T yang maksudnya;



“Dan antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya, bahawa Ia mencipta untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikan antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir “(ar-Rum, 30:21).

Perkahwinan yang sah merupakan sunnah Rasulullah S.A.W. Keseluruhan cara kehidupan yang ditunjukkan oleh nabi Muhammad S.A.W adalah merupakan sebuah institusi dan model yang menjadi ikutan kepada umatnya. Perkahwinan adalah sebahagian daripada fitrah kehidupan manusia dan Rasulullah S.A.W melarang umatnya untuk mengabaikan perkahwinan yang dianggap sebagai ibadah, sehingga baginda tidak mengakui seseorang yang menolak perkahwinan sebagai umat baginda. Hal ini adalah berdasarkan kepada sabdanya yang bermaksud;





“Barang siapa tidak menyukai sunnahku, ia bukan dari aku (iaitu bukan dari umatku). Berkahwin adalah sunnahku kerana itu siapa yang mengasihi hendaklah ia melaksanakan sunnahku” (Riwayat Ahmad bin Hanbal r.a)

Muhammad Ali Quthb (1993) mengatakan bahawa perkahwinan adalah satu-satunya cara yang bermanfaat untuk memelihara umat manusia daripada kerosakan akhlak dan kejahatan moral. Perkahwinan juga akan menjamin keselamatan sosial dan pembiakan manusia melalui perkahwinan yang sah dan hubungan yang dihalalkan. Maka jelas perkahwinan itu adalah sesuatu yang dituntut untuk kebaikan (*maslahah*) manusia itu sendiri. Walau bagaimanapun di sebalik tujuan murni ini, terdapat pasangan yang telah mengambil keputusan untuk bercerai atau membubarkan perkahwinan mereka.



Persoalannya, apakah perkara-perkara yang telah diambil kira dalam membuat keputusan untuk membubarkan sesebuah perkahwinan tersebut? Muhammad Ali Quthb (1993) dengan bersumberkan al-Quran dan al-Hadis, telah menggariskan beberapa tanggungjawab yang perlu dipenuhi oleh pasangan suami atau isteri dan pengabaian oleh mana-mana pihak dalam menunaikan tanggungjawab berkenaan akan menjadi faktor perselisihan antara pasangan suami isteri malah lebih teruk lagi jika melibatkan anggota keluarga yang lain. Perselisihan yang tidak ditangani dengan kaedah yang wajar akan membawa kepada penceraian pasangan berkenaan.

Fenomena penceraian dalam kalangan pasangan yang berumah tangga adalah merupakan isu global tanpa mengira sempadan negara, zaman, bangsa dan agama. Sebagai contoh, kadar penceraian di Amerika Syarikat pada tahun 2009 dilaporkan





berada pada kadar 10 untuk setiap 1000 orang wanita dan 9 untuk setiap 1000 orang lelaki (Statistik Pembangunan Keluarga Kebangsaan Amerika Syarikat/NSFG, 2012). Penceraian dalam kalangan orang Islam Amerika pula menjadi satu realiti yang membimbangkan dan ramai dalam kalangan profesional Islam mengenai kesihatan mental telah menyatakan kebimbangan mereka tentang peningkatan kadar penceraian dalam kalangan pasangan Islam. Berdasarkan data yang direkodkan oleh Ilyas Ba-Yunus (2000), lima negeri di Amerika dan satu di Kanada, menunjukkan peningkatan bagi penceraian dalam kalangan pasangan Islam iaitu sebanyak 32.3%. Tambahan, berdasarkan rekod yang diambil oleh satu kajian yang dibuat berdasarkan 751 sampel di California, telah menunjukkan peningkatan sebanyak 21.3% dalam kalangan pasangan Islam yang bercerai (Copen, Daniels, Vespa, & Mosher, (2012) .



Bagi pasangan Islam di negara ini, berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), jumlah penceraian dalam tempoh 20 tahun mulai 1990 hingga 2010 telah melibatkan 361,686 pasangan dan bilangan penceraian tersebut adalah begitu tinggi (JAKIM, 2013). Penceraian ini akan membawa kesan yang buruk kepada institusi keluarga di Malaysia kerana dalam tempoh ini terdapat 61,686 keluarga dianggap telah hidup tanpa kasih sayang suami dan isteri, atau anak-anak terpisah daripada ibu atau bapa mereka (JAKIM, 2013). Antara kesan daripada isu ini adalah keterlibatan anak-anak dalam aktiviti gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, jenayah, merosakkan kemudahan awam dan lain-lain lagi (Abdullah Al-Hadi, 1993). Menurut Abdullah Al-Hadi (1993), kajian yang dijalankan telah mendapati bahawa punca anak-anak terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah adalah kerana kekurangan kasih





sayang dan kawalan ibu bapa ke atas anak-anak mereka, hubungan komunikasi ibu bapa dengan anak yang rendah dan ketiadaan model tingkah laku yang positif daripada ibu dan bapa. Sekiranya keadaan ini gagal ditangani, dibimbangkan, masa hadapan negara akan terjerumus ke dalam isu-isu sosial yang lain (JAKIM, 2013). Laporan dalam statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah tentang data penceraian dalam kalangan pasangan Islam telah menyatakan bahawa terdapat 156 pasangan Islam bercerai pada setiap hari dari tempoh Januari hingga Ogos 2015 (KOSMO, 21 Januari 2016). Menurut laporan ini, penyebab penceraian dalam kalangan pasangan Islam ini adalah berpunca daripada masalah ketiadaan persefahaman, pasangan yang tidak menunaikan tanggungjawab, campur tangan keluarga dan masalah kewangan. Selain itu, hasil kajian tentang penduduk dan keluarga Malaysia ke-5 (KPKM-5) yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang melibatkan 23,112 lokasi kediaman dan 57, 246 isi rumah dalam tempoh September 2014 hingga Januari 2016 mendapati bahawa kebanyakan penceraian berlaku dalam kalangan pasangan yang berkahwin dalam tempoh kurang lima tahun (Sinar Harian, 21hb Mac 2016).

Mufti Pulau Pinang, Wan Salim Wan Mohd Noor menjelaskan bahawa terdapat banyak faktor yang menjadi punca kepada fenomena peningkatan penceraian bagi pasangan berkahwin yang kurang lima tahun ini. Salah satu punca ialah pasangan tidak memahami maksud (*maqasid*) sebenar sesebuah perkahwinan. Walhal, perkahwinan itu bukan hanya setakat untuk melayani keinginan seksual tetapi perkahwinan itu mempunyai tujuan yang lebih jauh seperti melahirkan zuriat yang baik untuk mampu





menyumbang kepada umat pada masa hadapan selain daripada berbakti kepada kemanusiaan (Sinar Harian, 21hb Mac 2016).

Kajian oleh Hasan Bahrom (2004) yang bertujuan untuk meninjau sebab wanita terutamanya di Terengganu yang menolak untuk berpoligami telah mendapati bahawa majoriti wanita telah membuat keputusan untuk menolak berpoligami disebabkan rasa takut atau bimbang akan berlaku ketidakadilan dalam perkongsian nafkah, kasih sayang dan perhatian daripada suami jika mereka sebagai isteri dimadu dengan wanita yang lain. Hal ini adalah bertentangan dengan dasar poligami kerana poligami adalah merupakan satu jalan yang diiktiraf oleh syarak kerana poligami adalah satu kaedah penyelesaian kepada sistem kekeluargaan Islam bagi mengelakkan perzinaan dan kecurangan suami.



Justeru, satu keputusan yang berdasarkan sentimen kebimbangan dan emosi semata-mata adalah bukan satu keputusan yang terbaik tetapi seharusnya menggunakan prinsip-prinsip yang ada dalam agama. Hal ini kerana terdapat kaedah-kaedah yang sesuai dengan kehendak syariat agama perlu diketengahkan untuk membuat sesuatu keputusan yang sesuai dengan tepat. Sebagai contoh, kaedah-kaedah *fiqhiyyah* dikatakan dapat memberi panduan dalam meleraikan kekusutan lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan isu-isu yang melibatkan kekeluargaan (Rizal, 2009). Berkaitan dengan isu yang melibatkan kekeluargaan, Al-Fasi (1993) telah menyatakan bahawa Sheikh Mohammad Abduh iaitu seorang tokoh reformis Islam dan bekas Sheikul al-Azhar dari Mesir telah melarang poligami kepada suami yang jelas menyebabkan kemudaratannya kepada keluarganya yang sedia ada jika suami tersebut berpoligami. Beliau menyandarkan kepada kaedah *fiqh* iaitu '*Dar' l al-mafasid awla min jalb al-masalih*' yang membawa maksud 'menolak





kemudahan lebih utama daripada mendatangkan kebaikan' (Younes Soualhi, 2004). Justeru, antara kriteria yang perlu diambil kira dalam penyelesaian sesuatu masalah adalah dengan membuat penilaian aspek kebaikan (*masalahah*) dan keburukan (*mafsadah*) kepada ahli keluarga yang sedia ada sebagai kesan daripada poligami.

Selain daripada itu, satu kajian yang telah dilakukan oleh Sarminah Samad (2004), berjudul "*Factors and Consequences of Work-Family Conflict Among Non-Profesional Married Working Women*" telah mengkaji faktor-faktor berlakunya konflik dalam keluarga kerana mempunyai suami isteri yang sama-sama bekerja untuk meningkatkan status ekonomi mendapati bahawa faktor-faktor seperti kesibukan dalam pekerjaan di samping sikap suami dan isteri adalah faktor yang saling berkait sehingga menyebabkan tercetus konflik dalam sesebuah perkahwinan. Dalam konteks yang sama, satu kajian yang dilakukan oleh Masnah Mohd Zain (2002) yang berjudul "Kesan Pendapatan ke Atas Kadar Penceraian dalam Kalangan Masyarakat Melayu" untuk meninjau sejauh mana pendapatan telah menyumbang kepada penceraian dalam kalangan masyarakat Melayu, mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dikaji tersebut. Berdasarkan dua kajian ini, jelas didapati faktor-faktor sikap dan desakan ekonomi menjadi elemen dominan dalam proses membuat sesuatu keputusan yang melibatkan permasalahan dalam perkahwinan.

Norhayati Rafida Abdul Rahim (2002) pula dalam satu kajiannya yang bertajuk "*Negotiation Skills in Family Conflicts: Comparison Between Rural and Urban Areas*" (Kemahiran berunding dalam konflik keluarga: Perbandingan antara luar bandar dan





bandar) menyatakan bahawa konflik yang berlaku dalam sesebuah keluarga akan menjadi bertambah teruk sekiranya konflik tersebut tidak diselesaikan dengan kadar yang segera. Kajian ini dilakukan dengan mengambil pandangan seramai 400 orang responden yang terdiri daripada remaja luar bandar dan bandar di empat buah negeri mengenai kaedah yang perlu dilakukan oleh ibu bapa mereka sekiranya berlaku konflik. Kajian ini telah menyarankan agar tolak ansur antara suami dan isteri dan ini adalah sebagai satu unsur yang penting dalam memutuskan sesuatu keputusan mengenai perkara-perkara yang melibatkan kepentingan bersama.

Sementara itu, kajian yang *berjudul* “Amalan Kaunseling Keluarga Dalam Agensi Kerajaan : kajian di Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara”



oleh Zainuddin Jusoh, Azlan Aris dan Mohamed Sharif Mustaffa (2008) telah menyatakan bahawa dalam menangani cabaran cara hidup baru generasi muda yang didapati terdedah dengan pelbagai unsur negatif dalam persekitaran hidup mereka. Untuk menangani cabaran ini, Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah membina beberapa modul latihan dan kaunseling dalam aspek keibubapaan dan kekeluargaan.

Berdasarkan tuntutan dan tanggungjawab sebagai suami dan isteri serta isu yang ditimbulkan oleh Mohd Ali Quthb (1993), Wan Salim (2011) dan pengkaji-pengkaji seperti Abdullah Al-Hadi (1993); Norhayati Rafida Abdul Rahim (2002); Sarminah Samad (2004), Hasan Bahrom (2004); Zainuddin dan rakan (2008) dan pihak JAKIM (2013) adalah didapati terdapat pelbagai punca dan dimensi yang menyebabkan





berlakunya fenomena penceraian seperti kegagalan ahli dalam menunaikan tanggungjawab, tidak memahami maksud perkahwinan, kewangan, campur tangan pihak ketiga, tiada persefahaman, perkahwinan di usia muda, kesibukan bekerja dan wujudnya jurang komunikasi antara pasangan dan ahli keluarga. Kepelbagaian isu dan dimensi yang wujud ini, menuntut kepada pendekatan yang lebih berkesan dalam membantu klien untuk membuat keputusan bagi menyelesaikan isu dan permasalahan yang timbul.

Seiring dengan isu dan permasalahan tersebut, Beberapa modul kaunseling dan latihan kekeluargaan, keibubapaan dan perkahwinan telah dibangunkan untuk membimbing individu yang terlibat dalam konflik diharap dapat mengendalikan isu atau permasalahan yang timbul agar mereka dapat terus berfungsi sebagai ahli keluarga. Hal ini juga adalah selaras dengan tujuan kaunseling iaitu membimbing klien supaya mereka memperoleh maklumat yang komprehensif agar klien berada dalam keadaan 'celik akal' sebelum memutuskan apa-apa keputusan dan merancang serta melaksanakan alternatif-alternatif yang bersesuaian untuk mengatasi permasalahan yang dihadapi (PERKAMA, 2011). Justeru, sekiranya klien tidak dapat maklumat yang komprehensif maka klien akan membuat keputusan pada peringkat yang tidak matang. Hal ini akhirnya boleh menyebabkan kegagalan dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan, malah akan mendatangkan kesan buruk yang bukan hanya menjejaskan kehidupan mereka tetapi juga kehidupan pihak yang lain.

Sejarah profesion kaunseling keluarga dan perkahwinan bermula pada sekitar tahun 1930. Pada masa tersebut terdapat tiga buah pusat profesional yang menjalankan aktiviti perkhidmatan kaunseling perkahwinan yang beroperasi di Los Angeles, New





York dan di Phildelphia (Broderick & Schrader, 1981). Satu jurnal yang bertajuk *'Can This Marriage Be Saved?'* (Mampukah Perkahwinan Ini Diselamatkan?) telah diterbitkan pada tahun 1945 dan jurnal ini masih wujud hinggalah pada hari ini (Hecker & Wetchler, 2003).

Rentetan daripada itu, pada tahun 1945, satu persatuan yang telah diberi nama sebagai *American Association of Marriage Counselors (AAMC)* atau Persatuan Kaunselor Perkahwinan Amerika telah ditubuhkan. Pada peringkat awal, para kaunselor atau ahli terapi yang terlibat dalam memberi perkhidmatan adalah terdiri daripada para tokoh agama seperti paderi, imam, pekerja sosial, ahli perubatan, dan pembimbing keluarga (Broderick & Schrader, 1981). Sementara itu, *AAMC* dan *National Council on family Relations* (Majlis Perhubungan Keluarga Kebangsaan) telah mengeluarkan satu panduan kaunseling perkahwinan pada tahun 1949. Kedua-dua pihak ini juga telah mengenal pasti bahawa kaunseling perkahwinan merupakan salah satu daripada cabang atau bidang kaunseling keluarga. Pada umumnya, terdapat pelbagai kumpulan yang beroperasi dalam lapangan ini menggunakan pelbagai pendekatan tanpa bergantung pada hanya satu teori sahaja. Pada tahun 1970, *AAMC* telah menukar namanya kepada *American Association Of Marriage And Family Counselor* (Persatuan Kaunselor Perkahwinan Dan Keluarga Amerika). Walau bagaimanapun pada tahun 1978 persatuan ini dikenali sebagai *American Association for Marriage and family Therapy (AAMFT)* atau Persatuan Terapi Perkahwinan dan Keluarga Amerika.





Berikutan perkembangan itu, penerimaan dan perkhidmatan terapi atau kaunseling perkahwinan telah meningkat dengan ketara pada akhir abad ke 20. Johnson dan Lebow (2000) telah melaporkan bahawa terdapat permintaan yang bertambah terhadap perkhidmatan terapi ini. Hal ini diikuti dengan pertambahan bilangan pengamal atau ahli terapi yang terlatih termasuk mereka daripada kalangan para ahli psikologi, pekerja sosial dan kaunselor pendidikan.

Sementara itu, Hecker dan Wetchler (2003) telah menjelaskan wujudnya beberapa model terapi keluarga yang diaplikasikan oleh pengamal untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan yang dihadapi dalam sesebuah keluarga atau pasangan terutamanya di Barat. Antara model kaunseling keluarga yang utama ialah model Terapi Keluarga Bowen yang diperkenalkan oleh Murray Bowen pada 1970-an. Beliau telah memberi penekanan terhadap corak interaksi atau perhubungan antara ahli keluarga yang ada dalam sesebuah keluarga seperti ibu bapa, anak-anak termasuk datuk, nenek serta anak angkat, jika ada. Model ini telah memberi tumpuan kepada aspek nilai, emosi dan cara untuk menangani konflik yang diwarisi daripada generasi keluarga yang terdahulu sebagai panduan dalam penyelesaian masalah keluarga atau membuat keputusan. Salvador Minuchin (1974) pula melihat kepada penstrukturan peranan, hierarki dan persempadanan interaksi antara ahli keluarga sebagai asas kaunseling dalam membuat keputusan. Justeru, didapati bahawa antara faktor yang menimbulkan permasalahan dalam ahli keluarga atau pasangan adalah disebabkan oleh perbezaan dalam nilai, emosi, pola interaksi dan peranan yang dimainkan oleh ahli dalam sesebuah keluarga itu.





Lapangan kaunseling dan psikoterapi telah melalui banyak perubahan sejak 100 tahun yang lalu. Perubahan ini kebanyakannya telah dirangsang oleh perkembangan dalam aliran teori-teori baru yang telah memberi kesan besar terhadap cara para profesional yang terdiri daripada kaunselor dan ahli psikoterapi dalam proses perhubungan menolong khususnya dalam penerokaan potensi para klien mereka (Ivey dan Ivey, E., D'andrea & Simek-Morgan, 2009). Berdasarkan penggunaan pendekatan kaunseling yang berbeza, para profesional berupaya membantu klien dengan lebih efektif dan memuaskan supaya klien mereka dapat melangsungkan kehidupan yang lebih baik dan produktif (Wampold, Lichenberg & Wechler, 2002). Kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan juga tidak ketinggalan dalam arus perkembangan ini. Sejak ia mula bertapak mulai 1950-an, beberapa pendekatan telah muncul dan diamalkan oleh para kaunselor atau ahli terapi. Antaranya ialah terapi Keluarga Struktur, terapi Keluarga Strategi, terapi Sistemik Milan dan lain-lain lagi.

Selaras dengan perkembangan teknologi yang telah memberi kesan terhadap struktur dimensi kemanusiaan yang dilihat semakin bertambah kompleks, pada era 1990-an telah mula menyaksikan kemunculan idea-idea mengenai kepentingan nilai-nilai yang ada di dalam agama untuk dijadikan sebagai alternatif kepada pendekatan-pendekatan sedia ada walaupun pada asasnya merujuk pada pendekatan-pendekatan kontemporari umumnya seperti pendekatan Psikodinamik, Kewujudan-Humanistik dan Kognitif-Tingkah Laku. Oleh itu, idea-idea dan nilai-nilai itu juga diserapkan kepada kaunseling keluarga dan perkahwinan kerana para kaunselor adalah orang yang sama mengendalikan kaunseling-kaunseling individu.





Di Amerika, lanjutan daripada industri yang berkembang pesat dan berlakunya pelbagai konflik, didapati lebih ramai orang mencari kaunselor agama berbanding menemui ahli psikoterapi. Pamela (2002) telah menyatakan bahawa salah seorang klien beliau telah menyatakan keinginan untuk berjumpa dengan seseorang yang memahami tentang kepercayaan yang dianutnya dan memahami kelebihan berdoa serta meyakini kehadiran semangat suci dalam kehidupan klien tersebut. Seorang kaunselor agama, Paula Baylor yang berkelulusan dari Eastern University di St. David, Pennsylvania dalam bidang kaunseling Kristian menyatakan bahawa terdapat kesedaran yang meningkat dalam kalangan orang Amerika mengenai kepentingan kaunseling dan kecenderungan mereka adalah kaunseling berasaskan agama dan kerohanian yang diintegrasikan dengan ilmu psikologi moden. Beliau berkata: *“kami akan cuba mengintegrasikan kognitif, psikodinamik dan praktis psikoanalitikal dengan perspektif agama”* (Pamela, 2002).

Menurutnya lagi, sebagai manifestasi daripada permintaan terhadap pendekatan yang berasaskan agama dan spiritual semakin bertambah, didapati lebih daripada sepuluh tahun yang lalu, *American Association of Christian Counselors* (Persatuan Kaunselor Kristian Amerika) yang berfungsi menawarkan perkhidmatan kaunseling berasaskan rawatan berdasarkan Bible (*Bible-based treatment*) telah melaporkan bahawa bilangan ahli persatuan berkenaan telah melonjak dari 15,000 kepada 50,000 ahli.

Sementara itu, Cashwell dan Young (2011) pula telah menyatakan bahawa hampir 90% daripada rakyat Amerika didapati percaya kepada Tuhan atau kuasa luar biasa. Hal ini kerana majoriti daripada mereka percaya bahawa unsur spiritual adalah amat penting dalam kehidupan mereka. Menurutnya lagi, kajian yang dilakukan oleh Rose (2008)





mengenai kecenderungan klien dalam menerima pendekatan agama dan kerohanian mendapati bahawa majoriti dalam kalangan responden telah menunjukkan maklum balas yang positif. Bagi klien yang beragama Islam yang mendapatkan khidmat kaunseling yang berorientasi pendekatan sekular, menghadapi kesukaran untuk menerima kaedah yang digunakan oleh ahli pengamal sekular berkenaan kerana pengamal dianggap tidak dapat memahami kehendak klien berkenaan (Qalsum Inayat, 2007).

Hal ini bermakna semakin bertambah kompleks sistem masyarakat masa kini dijangka akan menyebabkan bertambah rumit manusia kerana wujudnya pelbagai dimensi pemikiran, tingkah laku dan emosi pada diri seseorang individu. Keadaan ini menuntut kepada pelbagai pendekatan dalam penyelesaian masalah termasuklah dalam menangani permasalahan dan isu yang timbul dalam sesebuah kaunseling atau perkahwinan. Pendekatan psikoterapi atau kaunseling kontemporari walaupun berbentuk psikologi moden, namun tidak lagi boleh berdiri dengan sendirinya, malah perlu diperbaharui dari semasa ke semasa serta perlu diintegrasikan dengan pendekatan yang lain supaya dapat memenuhi keperluan klien (Cashwell & Young, 2011). Berdasarkan keperluan tersebut di atas, Corey (2008) telah mendedahkan bahawa pengamal telah mula bersikap terbuka dan berpendapat bahawa integrasi pelbagai pendekatan dalam kaunseling adalah idea yang terbaik berbanding hanya mencari satu teori yang terbaik untuk digunakan dalam menolong klien. Hal ini kerana tiada satu pun teori yang sesuai untuk memenuhi keperluan pelbagai populasi dengan pelbagai masalah (Corey, 2008).





Berdasarkan pendapat Pamela (2002); Wampold, Lichenberg dan Wechler, (2002); Qalsum Inayat (2007); Corey (2008) serta Cashwell dan Young (2011), pengamal kaunseling perlu bersikap lebih terbuka untuk menggunakan pendekatan integrasi semasa intervensi kaunseling dengan cuba menggabungkan beberapa teori dan teknik-teknik yang bersesuaian dalam amalan klinikal mereka kerana pendekatan ini dianggap sebagai satu kaedah yang berkesan untuk membawa perubahan ke atas perasaan, pemikiran dan tingkah laku klien.

Lanjutan daripada peningkatan kesedaran untuk lebih bersikap terbuka dalam pendekatan integrasi semasa intervensi kaunseling, perhatian yang signifikan telah diberikan terhadap peranan agama dan spiritual dalam amalan klinikal. Para profesional, pengkaji dan ahli akademik dilihat telah sama-sama menyumbang kepada kemajuan ini (Richards, Sanders, Lea, McBride & Allen, 2015). Oleh kerana terdapat penyelidikan yang mewajarkan pengintegrasian elemen agama dan spiritual ketika intervensi di dalam amalan klinikal, tradisi dan amalan dari Timur dan falsafah-falsafah Barat telah mula mendapat perhatian dari para pengamal (Pargament, 2007). Malah ada yang menganggapnya mudah untuk mengintegrasikan elemen-elemen agama dan kerohanian ke dalam teori psikologi arus perdana seperti Kognitif/Tingkah Laku, Humanistik dan Psikoanalisis (Richards & Bergin, 2004).

Fenomena ini mendapat sokongan apabila beberapa penulisan menunjukkan bahawa prinsip-prinsip Islam sebenarnya selaras dengan asas teoretikal model psikologi moden seperti konsep-konsep yang terdapat dalam pendekatan Terapi Kognitif/Tingkah





Laku. Salah satu kajian yang dilakukan terhadap pelajar-pelajar universiti di Pakistan, para peserta kajian telah menegaskan bahawa prinsip Kognitif/Tingkah Laku secara amnya adalah selari dan konsisten dengan prinsip-prinsip agama dalam kebanyakan aspek termasuklah nilai-nilai diri dan agama Islam yang dianuti (Naeem, Gobbi, Ayub, & Kingdon, 2009). Satu model yang dinamakan sebagai *Religious Cognitive Behavioral Therapy* (RCBT) adalah satu percubaan untuk menawarkan pendekatan alternatif yang lebih mesra dan sensitif dengan budaya dan kepercayaan seseorang klien khususnya klien yang beragama Islam. RCBT ini telah dibangunkan oleh Pusat Kerohanian, Teologi, dan Kesihatan di Duke Universiti (Vasegh, 2014). Selain itu terdapat juga manual yang disesuaikan mengikut kepercayaan-kepercayaan utama klien yang beragama Islam, Kristian, Yahudi, Buddha dan Hindu sebagai panduan kepada pengamal (Amber Haque,



05-4506832 Fahad Khan, Hooman Keshavarzi, & Abdallah Rothman, 2016).



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Selain daripada itu, perubahan pendekatan dan kecenderungan minat klien terhadap pendekatan agama dan kerohanian sama ada di Barat dan di dunia Islam khususnya, telah menuntut agar pengamal memberi perhatian terhadap kaedah agama dan kerohanian dalam intervensi kaunseling. Hal ini adalah kerana kaedah konvensional didapati gagal untuk melihat secara holistik dan sempurna dalam menyelesaikan masalah klien. Walaupun terdapat kecenderungan dalam penggunaan pendekatan ini, namun pendekatan ini terdapat limitasinya kerana hanya signifikan dalam menangani tekanan yang dihadapi oleh klien (Graham, Furr, Flowers & Burke, 2001). Malah pendekatan agama dan kerohanian ini hanya memberi tumpuan kepada aktiviti kerohanian seperti berdoa dan bersembahyang, beruzlah, meningkatkan keimanan kepada Tuhan dan





melibatkan aktiviti keagamaan dengan masyarakat setempat (Hathaway & Pargament, 1992).

Justeru, ketiadaan satu pendekatan yang sempurna dan ketiadaan satu set teknik kaunseling yang sentiasa berkesan untuk semua klien yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya, maka pendekatan integrasi adalah satu pendekatan yang dianggap berkesan dalam membantu klien yang mempunyai permasalahan yang kompleks (Corey, 2009; Hackney & Cormier, 2009). Sementara itu Norcross dan Beutler (2008) tetap menegaskan bahawa amalan klinikal yang berkesan didapati memerlukan perspektif yang fleksibel dan perlu mengintegrasikan pelbagai pendekatan dalam amalan klinikal untuk disesuaikan dengan keperluan unik dalam konteks individu yang hendak dibantu.



Perkembangan tentang peningkatan keperluan pengintegrasian elemen-elemen agama ke dalam pendekatan kaunseling mula di Malaysia sejak awal tahun 1990-an lagi. Beberapa Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Malaysia telah menganjurkan seminar-seminar yang berteraskan kaunseling Islam pada tahun 1991 hingga 1996 (Rizal, 2009). Perkembangan ini telah memberi ruang untuk para pengkaji dan pengamal untuk menerokai potensi pendekatan-pendekatan berasaskan agama dan kerohanian untuk diintegrasikan ke dalam sesi kaunseling khususnya untuk menangani masalah dan kekejatan sosial supaya dapat dijadikan satu panduan kepada para pengamal kaunseling.





Perkembangan ini juga selari dengan perubahan kehidupan pada pelbagai peringkat lapisan masyarakat tanpa mengira wilayah, ras, etnik mahu pun kepercayaan yang dianuti. Tuntutan atau desakan hidup yang semakin meningkat serta persekitaran yang semakin sibuk dengan pelbagai ragam telah memberi pengaruh yang besar kepada kehidupan seseorang. Kegagalan seseorang individu untuk menyesuaikan diri akan menyebabkan seseorang itu menghadapi masalah. Menurut William Glasser (1967), seseorang individu yang gagal dalam memenuhi keperluan-keperluan asas dirinya seperti keperluan identiti untuk dikenali sebagai orang yang berjaya, menyayangi dan merasa disayangi, akan menghadapi kekecewaan dan putus asa dan ini akan mempengaruhi tindakan yang akan dilakukan.



Berdasarkan keperluan untuk mengintegrasikan elemen agama dalam sesi kaunseling khususnya kaunseling keluarga dan perkahwinan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2013 telah memperkenalkan kursus asas kaunseling yang berorientasikan kaedah Syarie kepada para pegawai dan kakitangan Jabatan Agama Negeri (JAIN) khususnya mereka yang bertugas dalam menjalankan sesi kaunseling atau runding cara kepada klien-klien. Pengenalan modul ini adalah sebagai manifestasi kepada kesedaran bahawa penggunaan pendekatan Islam perlu diketengahkan dan diaplikasikan kerana pendekatan Islam itu mampu menjamin penyelesaian secara holistik terhadap permasalahan yang dihadapi. Antara pendekatan dan teknik yang diperkenalkan ialah:-

- 1.2.1. Pengenalan asas kaunseling dan teknik-teknik kaunseling
- 1.2.2 Pendekatan dan langkah-langkah dalam kaunseling syarie
- 1.2.3 Konsep *'ilaj* (rawatan) dan *syifa'* (penyembuhan)





1.2.4. Pelbagai Terapi seperti Terapi al-Quran, Solat, Zikir, *Tauhidik*

1.2.5. Hal-ehwal undang-undang kekeluargaan Islam

Kursus asas kaunseling Syarie (lanjutan) juga telah diperkenalkan kepada pegawai-pegawai yang sama agar mereka dapat memahami konsep dan melaksanakan kaunseling syarie dengan lebih berkesan mengikut matlamat dan teknik yang ditetapkan. Pihak JAKIM telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk '*Manual Kaunseling Syarie*' supaya menjadi panduan kepada para kaunselor atau pemudah cara yang bertugas di JAIN ketika menjalankan tugas mereka.

Sementara itu, Rizal (2009) menjelaskan bahawa sesetengah aspek dalam pendekatan kaunseling Islam terutamanya dalam menyelesaikan sesuatu isu didapati tidak berbeza dengan bidang perubatan Islam iaitu melibatkan prinsip '*qawaid'al fiqhiyah fi al-tiib*' (kaedah feqah dalam perubatan). Kaedah-kaedah *fiqh* dalam perubatan juga telah diterima pakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Rohani Desa, 2012). Penggunaan pendekatan agama seperti penggunaan kaedah '*fiqh*' ini dalam kaunseling dapat memberi panduan dan asas berorientasikan hukum hakam untuk meleraikan sesuatu kekusutan lebih-lebih lagi apabila berdepan dengan isu-isu yang lebih kompleks. Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa penggunaan prinsip ini tidak diterangkan dengan jelas untuk dijadikan panduan dalam sesi kaunseling. Hal ini adalah kerana pendekatan ini masih baharu malah istilah *fiqh* dilihat begitu asing bagi sesetengah pengamal kaunseling itu sendiri. Menurut Rizal (2009) berikut adalah beberapa kaedah yang menggunakan kaedah *fiqh* dalam meleraikan sesuatu yang timbul , iaitu:-





- a) Menghindar kerosakan didahulukan daripada membawa kebaikan
- b) Apabila bertemu dua kerosakan maka diutamakan (membetulkan) yang lebih kemudatan dengan membenarkan berlakunya yang lebih ringan
- c) Harus ambil yang ringan antara dua kemudatan
- d) Kecemasan mengharuskan yang haram
- e) Darurat diambil sekadar yang perlu sahaja

Sementara itu, Rahimin (2009) dalam kajiannya mengenai aplikasi prinsip-prinsip *fiqhiyyah* dalam pelbagai bidang urusan muamalat di Malaysia telah menyarankan supaya usaha memperluas pengaplikasian atau penerapan elemen ilmu *usul fiqh* dan *maqasid syariah* ke bidang keilmuan moden lain seperti bidang sains sosial moden adalah perlu kerana ini akan menjadi pelengkap kepada kajian atau penyelidikan hukum Islam alternatif dalam zaman moden ini. Hal ini kerana, al-Shatibi (1996) menyatakan bahawa pendekatan yang sempurna dalam melakukan sesuatu perkara itu sama ada untuk mencapai kesempurnaan diri atau untuk memberi manfaat kepada orang lain khususnya dalam mencapai tujuan hidup perlulah dilakukan secara rasional dengan mengambil kira faktor-faktor kemaslahatan dan kemudatan (Hassan Salleh, 1979). Hal ini bermakna seseorang individu itu perlu dibimbing ke arah `celik akal dengan memberi maklumat yang komprehensif, melakukan penganalisisan mengenai kebaikan dan keburukan sesuatu alternatif, melihat kepada kepentingan tertentu termasuklah kesan atas kehidupan setelah kematian sebelum membuat sesuatu keputusan.





Oleh yang demikian, kes penceraian dijangka dapat diminimumkan sekiranya pasangan-pasangan yang berkonflik dapat membuat penilaian secara menyeluruh dalam pelbagai aspek sebelum membuat sesuatu tindakan terutamanya yang melibatkan sesebuah sistem kekeluargaan. Hal ini boleh dilakukan dengan melihat kepada aspek agama yang bertujuan untuk membina sebuah kehidupan yang bahagia di dunia atau di akhirat. Menurut al-Shatibi (1996), kebahagiaan dalam kehidupan itu akan dapat dicapai apabila keperluan *maqasid shariah* dapat dipenuhi. *Maqasid shariah* pula dapat dipenuhi apabila lima elemen yang terkandung di dalamnya seperti agama, nyawa, akal, harta dan keturunan dapat dipelihara dengan sebaik-baiknya.



Pengkaji berpendapat bahawa, konsep pendekatan *maqasid Shariah* yang telah diguna pakai dalam bidang muamalat, jenayat, munakahat dan kehakiman, namun konsep *maqasid shariah* dan penggunaan elemen-elemen seperti *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsniyyat* masih lagi tidak diaplikasikan secara jelas dan tiada lagi kajian mengenainya. Betapa pentingnya *maqasid shariah* itu dalam kehidupan manusia, kerajaan Malaysia pada 2014 telah melancarkan pembangunan indeks Syariah Malaysia bagi melihat tahap pematuhan negara dalam aspek tuntutan syariah dalam urus tadbirnya. Indeks ini akan menjadi kayu ukur terhadap penambahbaikan yang berterusan ke arah pematuhan semaksimum yang mungkin dalam mematuhi tuntutan syariat Islam. Berkaitan dengan ini, terdapat lapan (8) bidang utama dikenal pasti yang menjadi tumpuan kerajaan yang terlibat dalam pengukuran indeks pematuhan *syariah* bagi memenuhi kehendak *maqasid shariah* iaitu bidang perundangan Islam, ekonomi, politik, kesihatan, pendidikan, budaya dan persekitaran dan akhirnya adalah bidang sosial. Pengukuran akan dibuat untuk





menilai sejauh mana tahap pematuhan terhadap kehendak *syariat* khususnya dalam pemeliharaan lima (5) aspek utama dalam *maqasid shariah* iaitu, agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. (Berita Harian, 23 Mac 2016).

Berdasarkan kepada langkah yang telah dilakukan oleh JAKIM dengan penganjuran kursus asas dan lanjutan kaunseling Syarie pada tahun 2013, di samping saranan yang diutarakan oleh Rahimin (2009) dan Rizal (2009) supaya mekanisme yang ada dalam Islam seperti yang terdapat dalam cabang ilmu *fiqh* yang diguna pakai dalam kaedah-kaedah muamalat, jenayat, perubatan dan perundangan diperluaskan dan diterapkan ke dalam ilmu sains sosial seperti kaunseling dan psikologi. Justeru, kajian tentang pengaplikasian elemen *Maqasid Shariah* sebagai salah satu cabang dalam ilmu *fiqh* ke dalam lapangan kaunseling harus dilakukan supaya dapat melahirkan individu-individu yang sejahtera dunia dan akhirat. Hal ini adalah selaras dengan seruan yang dinyatakan oleh as-Shatibi (1996) bahawa kesejahteraan kehidupan seseorang individu itu dapat dicapai apabila keperluan aspek utama kehidupan seperti agama, nyawa, akal, keturunan dan harta telah dipenuhi.

1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan beberapa fakta dan kajian tentang penceraian yang dinyatakan sebelum ini, jelas terdapat ruang untuk penambahbaikan terhadap pendekatan dan teknik-teknik dalam kaunseling itu sendiri. Satu pendekatan yang sesuai dan relevan dalam membantu





keluarga atau pasangan yang berkonflik bagi meleraikan permasalahan yang wujud perlu menjadi perhatian yang serius terutamanya kepada pengamal kaunseling itu sendiri. Pengkaji berpendapat bahawa, antara langkah yang perlu dilakukan ialah meningkatkan keberkesanan pendekatan dalam proses menolong ahli keluarga dan pasangan yang bermasalah supaya mereka dapat berfungsi secara normal bagi mewujudkan kehidupan yang sejahtera. Tambahan, Corey (2009); Hackney dan Cormier (2009) telah menjelaskan bahawa tiada satu pun pendekatan kaunseling yang komprehensif untuk menangani semua tingkah laku manusia yang kompleks terutamanya kepada sesetengah individu yang mempunyai permasalahan yang khusus serta memerlukan pendekatan yang tertentu dalam menanganinya. Menurut Corsini dan Wedding (2008), terdapat lebih 400 teori kaunseling telah dikenal pasti dan daripada jumlah tersebut, Hackney dan Cormier (2009) telah menggolongkan teori-teori tersebut kepada lima kategori utama iaitu Pendekatan Psikodinamik, Kognitif tingkah laku, Humanistik, Transpersonal dan Sistemik.

Pendekatan Psikoanalisis memegang falsafah bahawa perbuatan dan tingkah laku adalah hasil daripada perubahan dalaman yang dipengaruhi oleh pemikiran alam tidak sedar yang menghasilkan tingkah laku yang agresif dan tidak rasional dalam memenuhi kehendak biologi dengan menafikan realiti. Penyelesaian sesuatu permasalahan atau konflik adalah melalui pelbagai kaedah yang terkandung dalam satu mekanisme yang dikenali sebagai Helah Bela Diri. Pendekatan ini dianggap tidak sesuai untuk semua budaya atau sesuatu kumpulan sosioekonomi (Corey, 2016). Selain itu juga, Sigmund Freud telah menganggap bahawa agama sebagai berbahaya kepada perkembangan





individu dan agama satu ilusi yang menyebabkan gangguan neurotik yang perlu ditolak (Muhammad al-Mahdi & Abdul Aziz Azimullah, 2016).

Pendekatan Humanistik pula seperti teori Pemusatan Klien, Gestalt, dan teori Eksistensial adalah pendekatan yang memberi dalam penyelesaian masalah dengan kaunselor membantu klien untuk mencapai matlamat mengikut kebebasan individu tersebut berdasarkan potensi diri. Kaunselor juga akan memberi ruang sepenuhnya kepada individu berkenaan melalui rasa hormat dan mempercayai bahawa individu adalah seorang yang bertanggung jawab dan positif (Nugent, 2000). Pendekatan Terapi Tingkah Laku pula dilihat sebagai pendekatan yang menekankan proses pembelajaran tentang tingkah laku yang wajar atau tidak dalam proses mengelakkan tingkah laku yang



05 salah berdasarkan budaya sesebuah masyarakat. Menurut pendekatan yang diasaskan oleh B.F. Skinner dan Ivan Petrovich Pavlov pada lewat tahun 1950-an ini, pengalaman dan juga rangsangan serta tindak balas yang terhasil memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran (Kazdin, 2001). Prinsip asas dalam pendekatan Kognitif/Tingkah Laku pula adalah bahawa perasaan atau emosi adalah hasil daripada proses yang berlaku dalam pemikiran individu yang berkenaan yang akan mempengaruhi tingkah lakunya. Hal ini bermakna penyelesaian sesuatu masalah itu adalah dengan memperbetulkan persepsi dan cara berfikir supaya tingkah laku yang terhasil adalah tingkah laku yang rasional dan dapat diterima. (Miller, Sward, Nielsen, & Robertson (2011).





Pendekatan dalam kebanyakan pendekatan dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan pula lebih tertumpu kepada sistem dalam sesebuah keluarga supaya dapat berfungsi secara normal. Pendekatan Terapi Struktur yang diperkenalkan oleh Salvador Minuchin (1974) dalam usaha memulihkan fungsi keluarga melalui proses penstrukturan semula sistem keluarga dengan menggunakan teknik seperti *joining*, *coalition*, *reframing*, *enactment*, *boundary marking*, *accomadation*, *restructuring* dan *unbalancing*. Sementara itu, pendekatan dalam Terapi Keluarga Strategi yang diasaskan oleh Gregory Bateson, John Haley serta Weakland pada tahun 1973 berusaha untuk memulihkan sistem keluarga melalui proses hubungan dan interaksi dalam kalangan ahli keluarga antaranya melalui kaedah *directive*, *prescribing the symptom*, *restraining change* dan *ordeal*



Pendekatan Terapi Sistem Keluarga Transgenerasi yang diperkenalkan oleh Murray Bowen pada tahun 1950 pula memberi tumpuan kepada nilai, emosi dan kaedah diwarisi daripada keluarga yang terdahulu. Antara kaedah yang digunakan dalam usaha untuk menjadi ahli keluarga dapat berfungsi semula adalah *differentiation of self*, *triangles*, *emotional cutoff*, *genogram* dan *detriangling* manakala berdasarkan pendekatan *Brief Therapy Solution Focus* yang diasaskan oleh Steve De Shazer, Insoo Kim Berg pada tahun 1979 telah memberi tumpuan kepada isu 'sekarang' yang menyebabkan masalah dan bukan perkara yang lepas yang telah menyebabkan masalah yang berlaku sekarang. Antara teknik yang digunakan adalah dengan memberi gambaran senario dan akibat sesuatu tindakan yang baik diambil supaya masalah dihadapi dapat ditangani.





Tambahan, pendekatan psikologi sebahagian besarnya adalah berorientasikan etnosentrik yang sebahagiannya mengabaikan budaya dan keperluan kumpulan sosial yang lain. Justeru, pendekatan ini dianggap gagal memahami permasalahan secara menyeluruh terutamanya tentang sesetengah persepsi dan kepercayaan individu terutamanya aspek kesihatan mental berdasarkan tradisi rohani masyarakat Islam' (Rassool, G. Hussein (2016). Realiti masyarakat Islam kini menuntut kepada pengamal kaunseling untuk menyediakan satu pendekatan kaunseling yang holistik dan bukan hanya tertumpu pada Eurosentrik (Rassool Hussein (2016). Dalam hal ini, Rassool didapati lebih cenderung bersetuju dengan pendekatan *Solution Focus Teraphy* yang dianggap agak selari dengan konsep hidup dalam Islam yang didapati lebih optimis dan praktikal. Rassool juga menolak pendekatan Psikoanalisis yang lebih cenderung melihat ke belakang iaitu peringkat awal perkembangan psikologi seseorang individu dan alam tidak sedari dan separa sedar seseorang yang kadang kala tidak berpijak di bumi yang nyata. Rassool menjadikan inti pati yang terkandung di dalam Al-Quran dan Sunah Nabi sebagai asas panduan atau rujukan dalam membantu merawat atau menolong seseorang. Justeru, beliau menyarankan agar seseorang individu yang bermasalah atau yang sedang menghadapi tekanan dibantu melalui doa dan memasukkan elemen tauhid dalam sesuatu tindakan. Rassool memberi tumpuan pada kepercayaan kepada Tuhan dan fitrah manusia yang mempunyai sifat murni yang cenderung mengakui kebenaran tentang kewujudan Tuhan dan mengikuti petunjuk-Nya serta bersangka baik dengan Tuhan. Rassool juga berpendapat bahawa sebarang pendekatan yang gagal mengakui hakikat ini adalah merupakan pendekatan yang palsu dan salah.





Bagi lapangan kaunseling di Malaysia khususnya dan dalam dunia Islam amnya, telah wujud saranan-saranan daripada tokoh-tokoh kaunseling, ahli-ahli psikologi, akademik dan agamawan seperti Abdul Halim (1993), Roslee Ahmad (2008). Malik Badri (1997), Sayyid Quthb (1983), Rizal Abu Bakar (2005) dan Haron Din (2003) mengenai perlunya elemen spiritual dan agama diterapkan dalam aktiviti kaunseling. Model-model kaunseling seperti model Kognitif Ad-Din oleh Othman Mohamed (2001) dan kajian-kajian yang berkaitan spiritual dan agama seperti Siti Aishah Hassan (2011) dan Salasiah H. Hamjah (2008) dan lain-lain telah dibangunkan dan didapati sesuai untuk diaplikasikan dalam intervensi-intervensi kaunseling. Walau bagaimanapun, kajian-kajian dan penemuan-penemuan dari ilmuwan Islam hanya berkisar kepada aspek kognitif, pengamalan ibadah dalam Islam, membuang sifat-sifat mazmumah (buruk) dan mengisinya dengan sifat-sifat mahmudah (terpuji), namun tidak ada lagi kajian mengenai aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam proses kaunseling keluarga dan perkahwinan. Elemen-elemen tersebut adalah tahap penentuan keperluan manusia iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Pendekatan ini adalah pendekatan yang dapat menjamin pemeliharaan aspek agama, nyawa, akal, keturunan dan harta secara sempurna berbanding pendekatan-pendekatan yang lain di dalam lapangan kaunseling sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Berdasarkan pernyataan-pernyataan di atas didapati bahawa pendekatan yang mengaplikasikan elemen-elemen yang terdapat dalam *Maqasid Shariah* masih belum dikaji terutamanya dalam sesi kaunseling. Justeru, pengkaji mendapati wujud keperluan untuk melihat dan mengkaji aplikasi elemen *Maqasid Shariah* semasa intervensi kaunseling terutamanya dalam pengamalannya di agensi-agensi agama negeri Malaysia khususnya.



1.4 Tujuan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan dalam para 1.3, matlamat kajian adalah untuk meneroka tentang aplikasi elemen *Maqasid Shariah* terutamanya dalam sesi kaunseling keluarga atau kaunseling perkahwinan. Tujuan akhir kajian ini adalah untuk mengemukakan satu model aplikasi elemen *maqasid shariah* ini dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan.

1.4.1 Objektif Kajian

Secara lebih khusus, kajian ini hendak mencapai beberapa objektif seperti berikut:-

1. Mengetahui aspek pemahaman tentang aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan di agensi agama negeri.
2. Mengenal pasti cara pelaksanaan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan di agensi agama negeri.
3. Mengenal pasti maklum balas tentang pelaksanaan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan di agensi agama negeri.
4. Memahami halangan yang terdapat dalam aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan di agensi agama negeri.



1.4.2 Soalan Kajian

Antara soalan dalam kajian ini adalah dinyatakan seperti berikut:-

1. Apakah aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan di agensi agama negeri?
2. Bagaimanakah pelaksanaan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan di agensi agama negeri?
3. Apakah maklum balas penggunaan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan di agensi agama negeri?
4. Apakah halangan dalam penggunaan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam kaunseling keluarga dan kaunseling perkahwinan di agensi agama negeri?

1.5 Kerangka Teoretikal Kajian

Berikut dijelaskan tentang teori-teori yang mendasari kajian ini iaitu;


1.5.1 Tahap Kaunseling

Kajian ini akan berpandukan proses kaunseling oleh Ivey dan Ivey (2003) khususnya dalam kategori modaliti kaunseling individu. Rajah 2.1 adalah tahap-tahap kaunseling



yang dijadikan sebagai panduan dalam proses menyelesaikan sesuatu permasalahan. Proses penyelesaian masalah ini dilakukan setelah kaunselor atau pengamal bersama-sama dengan klien bersetuju mengenai isu yang dibincangkan dan menetapkan matlamat yang ingin dicapai. Fokus dalam kajian ini adalah meneroka aktiviti yang dilakukan dengan menggunakan elemen-elemen yang terdapat dalam *maqasid shariah*.

Berdasarkan Rajah 1.1, Tahap kaunseling Ivey dan Ivey (2003) di mulai dengan tahap permulaan sesi. Ivey dan Ivey menyatakan aktiviti-aktiviti awal yang perlu dilakukan adalah membina hubungan dan penstrukturan. Membina hubungan dapat dilakukan dengan mengadakan *rapport* iaitu berbual mengenai perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan isu bagi mewujudkan hubungan yang mesra supaya klien berasa selesa untuk bercerita dengan kaunselor. Selepas itu, kaunselor menyatakan hala tuju sesi serta memaklumkan beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh kaunselor dan klien. Tahap ini dianggap penting untuk menimbulkan keyakinan kepada klien agar wujud hubungan yang terapeutik dalam sesi kaunseling.



Rajah 1.1 : Tahap Kaunseling oleh Ivey dan Ivey (2003)



Tahap kedua iaitu tahap pengumpulan maklumat, kaunselor dan klien mula berinteraksi dengan menggunakan beberapa kemahiran mikroskil bagi membincangkan isu dan pengamal akan melakukan konseptual terhadap permasalahan dan strategi yang akan digunakan untuk menangani permasalahan yang menjadi kerisauan kepada klien. Pada tahap ini klien menyedari realiti yang sedang dihadapi olehnya. Pada tahap ketiga iaitu tahap penetapan matlamat, kaunselor dan klien sama-sama berbincang untuk menetapkan matlamat bagi mengakhiri permasalahan. Seterusnya pada tahap yang keempat iaitu tahap penerokaan alternatif, kaunselor dan klien akan bersama-sama meneroka alternatif yang ada. Penerokaan secara mendalam dilakukan untuk mendapatkan penilaian yang mendalam tentang sesuatu perkara. Dalam peringkat ini, setelah mencapai tahap celik akal, klien akan membuat kesimpulan tentang pilihan-pilihan yang ada dan perlu membuat keputusan untuk merelai persoalan atau permasalahan yang sedang dihadapi.

Pada peringkat kedua hingga keempat ini, perbincangan antara pengamal akan menerapkan elemen-elemen dalam *Maqasid Shariah* seperti *dharuriyyat*, *hajiyyat*, *tahsiniyyat* dan dikaitkan terhadap pemeliharaan aspek agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Akhir sekali iaitu pada tahap penamatan, kaunselor akan memberi 'empowerment' atau autonomi kepada klien untuk membuat keputusan. Apabila klien sudah bersedia untuk membuat keputusan, maka kaunselor boleh melakukan penamatan sesi kauneling dengan klien tersebut.





Tahap kaunseling yang kedua yang mendasari kajian ini juga adalah berpandukan kepada tahap kaunseling yang terdapat dalam proses kaunseling Keluarga dan Perkahwinan Adler. Norhayati Mohd. Noor, Zuria Mahmud, dan Saemah Abd.Rahman (2012) telah menjelaskan hasil kajian yang dilakukan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen tentang amalan kaunseling keluarga dan perkahwinan di Malaysia telah menyimpulkan bahawa terdapat empat tahap atau peringkat proses kaunseling keluarga dan perkahwinan yang telah menjadi amalan. Tahap tersebut adalah peringkat pembinaan hubungan, peringkat analisis dan menilai masalah keluarga, peringkat kesedaran emosi dan celik akal, peringkat penstrukturan semula atau orientasi pembelajaran.



Stien (2014) menjelaskan terdapat empat tahap dalam pendekatan Terapi Keluarga Klasikal Adler. Tahap tersebut dimulai dengan tahap membina perhubungan dan menilai atau mengenal pasti situasi yang sedang dihadapi. Tahap kedua diikuti dengan memahami permasalahan dengan menjelaskan sebab dan akibat yang akan dihadapi. Tahap ketiga pula ialah membina hubungan terapeutik dengan setiap ahli untuk mendapatkan perspektif yang tetap supaya boleh menimbulkan celik akal manakala tahap yang keempat pula ialah tahap penyembuhan iaitu setiap ahli belajar memahami ahli keluarga yang lain dan membuat pengubahsuaian terhadap sikap dan pendekatan tingkah laku. Stien (2014) membuat penambahan dengan mencadangkan tahap yang kelima iaitu tahap penyatuan semula keluarga dengan peranan ketua keluarga untuk menyediakan satu ruang interaksi yang selesa dan positif untuk menghasilkan kehidupan yang sejahtera.





1.5.2 *Maqasid Shariah*

Teori yang kedua yang mendasari kajian ini adalah *Maqasid Shariah*. Al-Syatibi (1996) dalam bukunya yang bertajuk *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah* (Muafakat dalam usul shariah), dapat disimpulkan bahawa maksud *maqasid shariah* adalah sesuatu perkara yang dilakukan untuk menegakkan kebaikan (kemaslahatan) dan mengelakkan keburukan (kemudaratan) kepada manusia (Hassan Saleh, 1979). Al-Imam al-Ghazali pula membahagikan *Maqasid* kepada tiga kategori keperluan iaitu *dharuriyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyat*. *Dharuriyat* ialah perkara asas yang tidak sama sekali dapat dipisahkan dengan seseorang individu itu kerana jika dipisahkan maka akan menjadi mudarat kepada individu yang berkenaan. Menurut Yusuf al-Qardhawi (2011), menyatakan bahawa *fiqh* *maqasid syariah* mempunyai hubungan dengan *fiqh* keutamaan tentang tujuan aspek pensyariatannya. Setiap pensyariatan hukum-hukum mengandungi *masalah* yang tersendiri. *Maslahah* yang ditetapkan dalam syarak mengandungi tiga urutan asas iaitu *dharuriyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyat* (Yusuf al-Qardhawi, 2011). Berdasarkan *fiqh* perbandingan dan *fiqh* keutamaan, perkara yang berada pada tahap *dharuriyyat* perlu diberi keutamaan berbanding tahap keperluan *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* manakala tahap keperluan *hajiyyat* perlu lebih diutamakan berbanding tahap keperluan *tahsiniyyat*. Menurut Imam al-Ghazali (1997) keutamaan dalam menjaga elemen *Maqasid Shariah* itu didahului dengan pemeliharaan agama. Selepas itu diikuti dengan pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan maruah keturunan dan akhir sekali pemeliharaan terhadap harta.



1.5.3 Piramid *Maslahah*


Teori ketiga yang menjadi landasan dalam kajian ini adalah Piramid *Maslahah* oleh Asyraf Wajdi dan Nurdiana Abdullah (2007). Model Piramid *Maslahah* ini menjelaskan bahawa, sesuatu keputusan dalam menyelesaikan sesuatu isu dan untuk mencapai matlamat perlu melihat kepada tiga peringkat pertimbangan iaitu tahap *dharuriyyat* iaitu satu tanggungjawab yang paling fundamental untuk dipenuhi berbanding tahap *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* manakala tahap *hajiyyat* adalah dianggap lebih penting berbanding dengan tahap *tahsiniyyat*.

Dalam menjelaskan rangka kerja piramid *masalah* ini terutama dalam proses

05 membuat keputusan di sesebuah institusi korporat, pada peringkat dasar iaitu *dharuriyyat*, pihak pengurusan mestilah berusaha untuk memelihara dan melindungi keperluan asas pihak pemegang saham khususnya dan kepentingan umum amnya (merujuk kepada lima elemen dalam *Maqasid Shariah* iaitu agama, tubuh badan, akal, harta dan maruah). Pemeliharaan lima elemen ini boleh dilakukan dengan menyediakan ruang solat yang mencukupi, perlindungan keselamatan dan kesihatan dan menyediakan pekerjaan yang tidak mendatangkan kemudaratan kepada tubuh akal dan maruah anggota pekerja (Asyraf Wajdi & Nurdiana, 2007).

Model Tahap Kaunseling Ivey dan Iver, Tahap Kaunseling Keluarga Adler, *Maqasid Shariah* dan Piramid *Maslahah* ini diintegrasikan untuk mendapatkan penjelasan tentang aplikasi *Maqasid Shariah* terutamanya untuk menyelesaikan sesuatu

permasalahan dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan seperti mana yang dapat dijelaskan dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2. Kerangka Teoretikal Kajian.

Kesimpulannya, para ini menjelaskan tentang kerangka teoretikal kajian yang menggambarkan tentang konsep kajian untuk melihat aplikasi elemen *maqasid syariah* iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsniyyat* ketika dalam kaunseling keluarga dan perkahwinan. Tahap keperluan ini akan menjadi alat untuk menilai sesuatu keutamaan



dalam memelihara aspek-aspek utama kehidupan. Prinsip *masalah* dan *mafsadah* diterapkan dalam menilai sesuatu keutamaan dengan menggunakan keupayaan akal fikiran yang dibatasi dengan hukum-hukum syarak yang telah ditetapkan.

1.6 Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian terhadap aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam proses membuat keputusan dalam kaunseling adalah:-

1.6.1 Penghasilan ilmu dan pendekatan baru.



Penemuan dan dapatan hasil kajian ini adalah sebagai satu penghasilan ilmu dan pendekatan baru dalam lapangan kaunseling. Dengan wujudnya aplikasi elemen *Maqasid Shariah* ketika dalam sesi kaunseling akan menambahkan koleksi ilmu berhubung dengan teknik-teknik penyelesaian sesuatu masalah berorientasikan pendekatan agama dalam sesi kaunseling. Kewujudan model aplikasi yang akan dibentuk ini akan menjadi panduan yang jelas kepada kaunselor apabila menerapkan elemen-elemen *Maqasid Shariah* dalam sesi kaunseling.





1.6.2 Perkembangan dan kemajuan dalam pengamalan kaunseling.

Penemuan dan dapatan hasil kajian ini adalah diharapkan memberi manfaat yang penting kepada pengamalan kaunseling khususnya kaunseling berorientasikan kaunseling Islam. Penggunaan elemen *Maqasid Shariah* dalam melakukan sesuatu keputusan atau tindakan ini adalah bersesuaian dengan tuntutan syarak. Penggunaan kaedah ini dalam lapangan kaunseling adalah selari dengan usaha penerapan elemen *Maqasid Shariah* ke dalam ilmu sains sosial seperti mana yang telah disarankan oleh tokoh-tokoh dalam ilmu *fiqh*. Pengenalan kepada aplikasi elemen *Maqasid Shariah* juga boleh dijadikan sebagai landasan untuk melakukan proses penambahbaikan teknik kaunseling berasaskan agama supaya akhirnya aplikasi ini akan menjadi satu panduan yang utama dalam proses membuat sesuatu keputusan dalam kaunseling. Aplikasi elemen *Maqasid Shariah* ini mampu untuk digeneralisasikan ke dalam kaunseling multi budaya jika istilah-istilah khusus dalam aplikasi elemen *Maqasid Shariah* seperti *masalah*, *mafsadah* atau perkataan *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat* itu diganti dengan istilah yang lebih sesuai bergantung pada budaya dan latar belakang seseorang kaunselor atau klien tersebut.

1.6.3 Manfaat kepada masyarakat.

Konsep kepada penggunaan kaedah ini adalah bersifat proaktif umpama '*sediakan payung sebelum hujan*' dengan memikirkan secara mendalam perkara-perkara yang mendasari perjalanan hidup dan juga implikasi jangka pendek dan jangka panjang sesuatu





tindakan yang menjadi pilihan terhadap sesuatu keputusan yang diambil (Rahimin, 2004). Muhamad Bakir (2004) pula telah melontarkan satu persoalan mengenai peranan yang boleh disumbangkan oleh ilmu *usul fiqh* dalam pembinaan personaliti seseorang Muslim yang hidup pada zaman moden ini. Kaedah ini adalah pelengkap kepada konsep perkembangan personaliti manusia dan tingkah laku seseorang adalah merupakan hasil daripada perubahan budaya, susunan masyarakat yang wujud, peradaban, perekonomian dan kebendaan, undang-undang, ilmu pengetahuan dan kerohanian. Menurut Abbas Husni Mohamad (1996), *usul fiqh* ialah pengetahuan terhadap hukum-hukum yang telah disyariatkan untuk menyusun semua perbuatan manusia dalam setiap tindak tanduk yang dilakukan. Justeru, syarak telah menggariskan batasan-batasan yang tertentu dan dilaksanakan atas asas keadilan, kesesuaian dan berterusan sehingga manusia boleh hidup



Al-Shatibi (1996) juga telah menjelaskan bahawa segala kebaikan yang khusus dan menyeluruh terdapat dalam peraturan-peraturan agama. Oleh itu, setiap persoalan hidup manusia akan dapat ditangani dengan merujuk pada peraturan-peraturan tersebut. Justeru, tiada satu pun *masalah* atau *mafsadah* sama ada besar atau kecil yang terlepas daripada jangkauan syariat. *Maqasid* sangat penting untuk dijadikan sebagai metode dalam proses membuat keputusan dalam sesi kaunseling. Kaedah ini turut diaplikasikan oleh khulafa' al-Rasyidin bagi menangani persoalan-persoalan yang timbul pasca kewafatan Rasulullah S.A.W. Ulasan yang diberikan oleh Abu Zahrah tentang perbuatan Khalifah Umar R.A. dalam mentadbir negara ketika pemerintahannya telah menggunakan pendekatan *maqāsid*. Hal ini kerana banyak keputusan perlu disandarkan kepada asas





maṣlahah (Mohamad Zaidi, 2015) Sebagai memastikan setiap keputusan dilakukan itu sesuai dengan kehendak *maqasid shariah*, Al-Raysuni (1995) mencadangkan empat langkah seperti berikut;

1. Memahami *maqasid* hukum hakam yang ada dalam Islam dengan meneliti “*illah*” atau tujuan yang tersirat di sebalik penetapan hukum-hakam.
2. Melakukan asimilasi antara prinsip umum yang ada *Maqasid Shariah* dan nas-nas atau dalil khusus yang menghasilkan tahap keperluan *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*.
3. Menilai sesuatu perkara tentang menghadirkan kebaikan dan menghindarkan keburukan. Dalam membuat penilaian mengenai kebaikan dan keburukan, penilaian boleh dilakukan berdasarkan pertimbangan akal yang waras dan sesuai dengan kehendak syariat.
4. Mengambil kira implikasi atau sebab dan akibat sesuatu tindakan dan keputusan. Aspek ini menekankan kemahiran dalam menganalisis sebab dan akibat sesuatu keputusan atau tindakan.

1.7 Definisi Konsep Dan Operasional

Kajian ini mempunyai ruang lingkungannya yang tertentu supaya tidak menimbulkan kekeliruan kepada pembaca. Oleh itu, beberapa istilah utama yang berkaitan dengan kajian





ini akan dijelaskan sebagaimana berikut:-

1.7.1 Aplikasi

Dalam kajian ini, aplikasi yang dimaksudkan adalah cara atau peraturan yang digunakan ketika proses menyelesaikan sesuatu permasalahan ketika sesi kaunseling keluarga atau perkahwinan. Aplikasi yang diguna pakai adalah elemen-elemen yang terdapat dalam *maqasid Shariah*. *Maqasid shariah* adalah salah satu cabang dalam bidang *fiqh*. Menurut al-Amidi, Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad, (1404H), *fiqh* adalah bermaksud “*ilmu yang terhasil daripada hukum-hukum syariat dan daripada teknik pendalilan yang dilakukan oleh para fuqaha dan mujtahidin*” (Rohani Desa, 2011). Berdasarkan definisi di atas, *fiqh*



boleh dijelaskan sebagai sesuatu dasar atau landasan berdasarkan syariat yang menghasilkan kaedah-kaedah yang tertentu untuk dijadikan sebagai panduan untuk membuat keputusan bagi menyelesaikan sesuatu isu. Dalam konteks kajian ini, aplikasi elemen *Maqasid Shariah* adalah merujuk pada kaedah-kaedah yang terkandung di dalamnya seperti tiga peringkat kategori keperluan iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsniyyat* serta pemeliharaan lima aspek utama kehidupan iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta digunakan sebagai panduan dalam proses menyelesaikan sesuatu isu dalam sesi kaunseling ini.





1.7.2 Membuat Keputusan Dalam Penyelesaian Masalah

Membuat keputusan dalam penyelesaian masalah bermaksud memilih satu atau beberapa alternatif untuk mencapai matlamat tertentu bagi menyelesaikan masalah supaya peranan ahli dalam keluarga atau pasangan dapat berfungsi secara normal. Perkara ini dilakukan setelah klien berada pada tahap 'celik akal' iaitu setelah klien mendapat maklumat yang komprehensif tentang sesuatu perkara dan sebab akibat yang terhasil daripada sesuatu keputusan yang akan diambil. Keputusan yang diambil oleh klien berpandukan kepatuhan terhadap elemen-elemen dalam *Maqasid Shariah* adalah untuk mendatangkan kebaikan dan pada masa yang sama dapat meminimumkan kemudaratannya kepada diri klien dan pihak-pihak yang terlibat dalam kehidupannya.



1.7.3 Kaunseling

Kaunseling adalah satu proses hubungan menolong yang sistematik dan berstruktur antara seorang kaunselor dan klien dengan menggunakan pendekatan psikologi dan perkembangan psikososial untuk membantu menyelesaikan masalah yang biasa atau normal supaya klien memperoleh sesuatu yang lebih baik. Corey (1977) mendefinisikan kaunseling sebagai satu proses klien diberi peluang dan ruang untuk menerokai diri dan persekitaran hidupnya untuk bertindak dengan lebih sesuai.





Nystul (1995) menyatakan kaunseling boleh difahami sebagai proses dinamik yang melibatkan kaunselor profesional dan terlatih dengan seseorang klien. Dalam proses ini kaunselor boleh menggunakan pelbagai strategi seperti individu, kumpulan atau kaunseling keluarga untuk membantu klien ke arah perubahan yang berfaedah dan boleh menghasilkan pelbagai manfaat seperti perubahan tingkah laku, meningkatkan keupayaan diri, meningkatkan kebolehan dalam membuat keputusan dan memperbaiki hubungan. Othman Mohamed (2000) pula menyatakan bahawa kaunseling adalah proses menolong secara teratur dan memberi maklumat tertentu agar klien dapat mencapai matlamat dirinya.



05. Keluarga adalah satu sistem pertalian melalui hubungan perkahwinan yang sah yang terdiri daripada suami, isteri, anak, saudara mara, kaum kerabat dan sanak saudara manakala seisi rumah tangga adalah terdiri daripada suami, isteri berserta anak-anak. Oleh itu, kaunseling keluarga dalam kajian ini akan mengambil kira penglibatan ahli-ahli keluarga sama ada mereka adalah sepasang suami isteri atau berserta dengan anak-anak kandung atau ahli keluarga yang lain seperti ibu bapa mertua, saudara kandung kepada suami atau isteri dan seumpamanya yang mempunyai pertalian darah yang rapat dengan ahli keluarga.

Definisi kaunseling keluarga pula adalah satu proses psiko terapeutik yang meneroka dan mengubah emosi, interaksi dan struktur peranan yang tidak berfungsi dalam sesebuah keluarga (Goldenberg & Goldenberg, 2002). Hecker dan Wetchler (2003) pula menyatakan bahawa kaunseling perkahwinan adalah satu bentuk terapi secara





klinikal untuk melihat kedua-dua suami dan isteri bersama-sama menyelesaikan masalah dalam perhubungan. Kajian yang dilakukan oleh Norhayati Mohd Noor, Zuria Mahmud, dan Saemah Abdul Rahman (2012) telah mendapati bahawa proses kaunseling keluarga mempunyai lima tahap iaitu:-

Pertama adalah peringkat pembinaan perhubungan antara kaunselor dengan ahli keluarga. Pada peringkat ini, klien memulakan perhubungan dengan kaunselor untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Norhayati Mohd Noor dan rakan-rakan (2012) menjelaskan bahawa peringkat hubungan ini adalah satu proses yang penting bagi memudahkan perjalanan sesi kaunseling. Perkara yang penting dalam peringkat membina hubungan ialah mewujudkan hubungan yang terapeutik. Hal ini kerana ahli-ahli keluarga atau pasangan mempunyai perasaan dan pemikiran tentang peranan dan keberkesanan sesi kaunseling dan mereka bertanya-tanya mengenai perkara yang akan berlaku semasa sesi. Pembinaan hubungan ini juga adalah termasuk aktiviti membina *rapport* dan mendapatkan sedikit sebanyak tentang latar belakang keluarga sebagai cara mendapatkan fakta awal.

Peringkat kedua adalah penganalisan dan menilai permasalahan keluarga. Pada peringkat ini, Norhayati Mohd Noor dan rakan-rakan (2012) menjelaskan bahawa, penganalisan dan penilaian tentang permasalahan keluarga dilakukan terhadap empat aspek. Aspek tersebut adalah struktur keluarga, interaksi keluarga, emosi keluarga dan pola pemikiran keluarga. Dalam hal ini, pengamal kaunseling keluarga perlu memberi fokus terhadap interaksi keluarga dan maklumat yang berkaitan seperti unsur-unsur





psikopatologi supaya pengamal dapat mengintegrasikan maklumat berkenaan untuk menyusun strategi bagi menjadikan keluarga berkenaan berfungsi semula secara normal.

Peringkat ketiga adalah peringkat kesedaran emosi dan celik akal iaitu klien memahami perkara-perkara yang menjadi punca kepada permasalahan dan memahami perasaan masing-masing. Pengamal perlu membimbing klien supaya klien mencapai tahap celik akal supaya wujud kesedaran untuk klien mengubah pemikiran mereka ke arah situasi yang lebih baik (Kaplan, 2003). Peringkat keempat pula peringkat penstrukturan semula keluarga dan orientasi pembelajaran semula keluarga sebagai hasil daripada proses yang berlaku pada tahap ketiga. Pada tahap ini, klien perlu belajar semula atau mencorakkan semula cara interaksi yang sihat untuk mewujudkan suasana yang sejahtera dalam keluarga dan menyusun semula peranan masing-masing agar ahli dan pasangan dapat berfungsi secara normal. Peringkat terakhir adalah peringkat penamatan. Norhayati Mohd Noor dan rakan-rakan (2012) menyatakan bahawa peringkat penamatan ada kalanya berlaku dan ada kalanya tidak. Peringkat ini juga boleh berlaku secara bersemuka atau melalui perbualan dalam telefon. Pendekatan-pendekatan utama dalam kaunseling keluarga ialah Terapi Keluarga Strategik yang diperkenalkan oleh Jay Haley (1973), Terapi Keluarga Struktur oleh Salvador Munichin (1974), Terapi Keluarga Bowen oleh Murray Bowen (1950) dan Terapi Ringkas Penyelesaian Masalah Berfokus oleh Steve De Shazer dan Insoo Kim Berg (1979).





1.8 Batasan Kajian

Skop kajian ini adalah khususnya kepada penggunaan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* semasa membuat keputusan dalam sesuatu sesi kaunseling keluarga. Responden yang menjadi sampel kajian ini adalah terdiri daripada para sampel bertujuan (*purposive sampling*) iaitu dalam kalangan pengamal-pengamal kaunseling dan pegawai perunding cara yang beragama Islam.

Kajian juga tidak melibatkan kaunseling kerjaya dan kaunseling kelompok tetapi fokus kajian hanya terhadap kaunseling keluarga atau kaunseling pasangan. Kajian ini tidak melibatkan banyak peserta tetapi hanya peserta tertentu yang menepati kriteria-kriteria sebagai peserta kajian ini kerana kajian ini dibuat secara kajian kes. Peserta kajian juga akan diambil daripada klien-klien yang telah mengikuti sesi kaunseling kendalian peserta kajian pertama.

Kajian ini hanya akan menggunakan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* yang tertentu dan bersesuaian dengan isu-isu keluarga, isu-isu dalam hubungan suami isteri dan isu-isu yang melibatkan kepentingan selain kepentingan keluarga dan suami isteri.





1.9 Rumusan

Bab ini telah membincangkan latar belakang kajian, permasalahan kajian, tujuan dan soalan kajian, kerangka konseptual kajian dan definisi pemboleh ubah-pemboleh ubah yang penting. Permasalahan kajian serta definisi ini penting agar tujuan dan skop kajian adalah jelas supaya kajian dapat menghasilkan penemuan ilmu dan teori baru khususnya dalam lapangan kaunseling. Kajian ini adalah penting memandangkan sudah sampai masanya wujud keperluan penggunaan aplikasi elemen *Maqasid Shariah* dalam proses membuat keputusan agar jalan penyelesaian yang diambil adalah secara menyeluruh dalam usaha untuk menghadirkan kebaikan (*maslahah*) dan pada masa yang sama untuk meminimumkan kerosakan atau kemudaratan (*mafsadah*) agar maksud syariah (*maqasid*

